



Ayat Suci Minggu ini

Kisah Para Rasul 8:5-8,
14-17
Mazmur 65:1-7, 16, 20
1 Petrus 3:15-18
Yohanes 14:15-21



✠
"Melalui Roh Kudus,
kita dipulihkan kepada
firdaus, dibimbing
kembali ke dalam
Kerajaan Syurga, dan
diangkat menjadi
anak-anak Allah."
- Sto Basilius Agung

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 19/2026

Janji yang sama yang diberikan Yesus kepada para murid juga berlaku bagi kita pada hari ini. Melalui anugerah Roh Kudus, Allah terus tinggal di tengah-tengah umat-Nya, membimbing, menguatkan, dan menghiburkan kita dalam setiap generasi.

Mereka yang diberkati dengan keluarga yang penuh kasih dan saling menyokong dapat mengalami betapa pentingnya rasa memiliki. Keluarga yang prihatin membantu seseorang bertumbuh dalam keyakinan diri, membentuk jati diri, dan menghadapi cabaran hidup dengan tabah. Namun begitu, tidak semua orang mengalami sokongan seperti ini. Ada warga tua yang hidup sendirian, ada yang terlantar di rumah kerana sakit, dan ada juga yang berasa dilupakan serta tidak dipedulikan walaupun hidup di tengah-tengah ramai orang.

Di sini, iman Kristian kita memanggil kita untuk menjadi peneman. Dalam KED kita dan di kawasan kejiranan, kita diajak untuk menyedari mereka yang mungkin kesunyian atau terasing. Kunjungan ringkas kepada jiran warga tua, membawa salinan warta paroki atau Herald kepada mereka yang terlantar di rumah, menyediakan telinga yang sudi mendengar, atau membantu keperluan harian, semuanya dapat menjadi tanda yang nyata akan kasih Tuhan. Dalam tindakan kecil yang penuh perhatian dan kepedulian ini, **Roh Kudus berkarya melalui kita untuk mengingatkan sesama bahawa mereka tidak dilupakan dan tidak keseorangan.**

Roh Kudus ialah peribadi yang nyata, yang mengasihi dan mempedulikan kita. Dia menguatkan kita pada masa pencobaan dan meneguhkan kita ketika kita berasa lemah, sebagaimana Dia telah menguatkan para rasul dalam perutusan mereka. Melalui Roh Kudus, Yesus terus hadir dalam setiap generasi dan dalam setiap keadaan hidup peribadi kita.

Iman juga mempersatukan kita antara satu sama lain. Melalui iman, kita bukan lagi yatim piatu, tetapi saudara dan saudari dalam Kristus. Kerinduan semula jadi kita untuk memiliki tempat dalam kehidupan menemukan kepenuhannya yang sejati dalam keluarga Allah yang mulia, yang bermula di dunia ini dalam persekutuan umat beriman dan yang akan disempurnakan kelak di syurga. ✠

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Paskah ke-6 | 10 Mei 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: KELUARGA: Menemani



Yesus menjanjikan bahawa mereka yang mengasihi-Nya dan menaati perintah-perintah-Nya akan mengalami kehadiran-Nya dan juga kehadiran Bapa. Yesus meneguhkan para murid-Nya dengan berkata, "Aku tidak akan meninggalkan kamu sebagai yatim piatu." Walaupun Dia tidak lagi hadir secara fizikal bersama mereka, mereka tidak akan dibiarkan sendirian bergumul dengan iman mereka. Bapa akan mengutus Roh Kudus untuk tetap tinggal bersama mereka serta membimbing mereka.